

Abdullah, Chavez meterai perjanjian perdagangan

CARACAS 20 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Venezuela, Hugo Chavez semalam memeterai perjanjian perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara yang menyaksikan Chavez secara terbuka berjanji untuk membuka jalan kepada Malaysia terlibat dalam pengeluaran minyak dan gas di Venezuela.

Chavez berkata, Venezuela boleh menolong Malaysia mencari sumber baru petroleum dan pihak Malaysia pula dapat memberikan negaranya bantuan dalam membangunkan industri dan ladang kelapa sawit untuk pengeluaran bahan api bio bagi mempelbagaikan ekonomi negara ini.

"Saya tahu Malaysia mempunyai rizab minyak yang agak banyak, tetapi dengan kadar pengeluaran sekarang ia akan hanya bertahan selama 20 tahun," katanya.

Pada majlis menandatangani perjanjian yang diadakan di Istana Miraflores sebelum Perdana Menteri berlepas pulang, Abdullah dan Chavez menyaksikan upacara menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) dan surat hasrat.

Kedua-dua pemimpin itu menandatangani deklarasi bersama selain menyaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Venezuela, Nicolas Maduro memeterai perjanjian MoU untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama Perdagangan.

Syarikat minyak Venezuela, Petroleos De Venezuela S.A (PDVSA) yang diwakili Presiden PDVSA yang juga Menteri Tenaga dan Petroleum negara ini, Rafael Ramirez turut menandatangani perjanjian MoU dengan Petronas yang diwakili oleh Presiden-nya, Tan Sri Hassan Merican.

Petronas dan PDVSA akan terlibat dalam kerjasama cari gali minyak di Venezuela dan cadangan membuka loji menyaring minyak Venezuela di Malaysia.

PDVSA turut menandatangani surat hasrat dengan syarikat Golden Hope Agrotech yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sabri Ahmad bagi mengadakan kajian kemungkinan membina ladang kelapa sawit, kilang menyaring minyak sawit dan tanaman biodiesel.

Chavez, pemimpin bersuara lantang Venezuela yang dianggap Fidel Castro baru, dalam ucapannya pada majlis itu menceritakan bagaimana penjajah dari Eropah yang dimulakan dengan pelayaran Christopher Columbus memecahkan Amerika Selatan dan Asia sebagai kawasan-kawasan di bawah empayar kuasa-kuasa Barat.

Katanya, selepas beberapa abad, baru kini Venezuela dan Malaysia yang kedua-duanya pernah dijajah mengenali satu sama lain dengan lebih baik.

Menurut Chavez, Abdullah memberikan

Venezuela boleh menolong Malaysia mencari sumber baru petroleum dan pihak Malaysia pula dapat memberikan negaranya bantuan dalam membangunkan industri dan ladang kelapa sawit untuk pengeluaran bahan api bio bagi mempelbagaikan ekonomi negara ini

HUGO CHAVEZ
Presiden
Venezuela

motivasi kepada beliau sepanjang lawatan rasmi tiga hari ke Caracas.

Ketika mereka menaiki helikopter bersama di lapangan Orinoeo untuk meninjau kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai telaga minyak, Perdana Menteri memberitahu Chavez bahawa semua projek infrastruktur dan ekonomi perlu dimajukan tanpa melupakan aspek sosial.

Kata Chavez, Abdullah menyedarkannya bahawa pembangunan ekonomi perlu mengambil kira perumahan untuk rakyat dan memberi generasi muda pendidikan.

Presiden itu berkata, kedudukan Malaysia di Asia Tenggara dengan Venezuela yang berada di Amerika Selatan bukan

terlalu jauh.

"Pada zaman moden ini, kecanggihan teknologi dan komunikasi boleh menjadikan kita dekat," katanya.

Menurut Chavez, beliau ingin melawat Kuala Lumpur sekali lagi pada bulan April depan. "Jadi bersedialah menunggu kami di sana," kata beliau sambil disambut gelak ketawa Abdullah.

Dalam ucapannya, Chavez turut menyebut nama Almarhum Tunjku Abdul Rahman Putra sebagai pejuang terbilang Malaysia yang beliau samakan dengan pahlawan Venezuela, Simon Bolivar yang berjuang menentang penjajahan Sepanyol di Amerika Selatan.

Chavez menyudahkan ucapannya dengan kata-kata 'Assalamualaikum'.

Abdullah dalam ucapannya pula berkata, deklarasi bersama Malaysia dan Venezuela pada akhir lawatannya itu memberi satu petanda kepada sektor swasta bahawa kerajaan kedua-dua negara benar-benar serius untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Beliau gembira kerana Presiden Chavez sendiri menunjukkan kepimpinannya dalam merapatkan hubungan kedua-dua negara dan secara peribadi menyelia apa yang telah diputuskan dalam deklarasi bersama.